



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

...

Berita  
Online

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

**Untuk makluman:**

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 9 April 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

## Padah sorok 2.21 tan minyak peket

- Pengusaha premis borong didenda RM15,000
- Mengaku salah di mahkamah

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**KUALA TERENGGANU** – Tindakan seorang pengusaha premis pemborong menyembunyikan 2.21 tan minyak masak peket bersubsidi pada tahun lalu membawa padah selepas dia didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen, di sini semalam.

Hakim Mohd. Zul Zakiudin Zulkifli menjatuhkan hukuman tersebut selepas orang kena saman (OKS), Abu Bakar Abdul Rahman, 42, membuat pengakuan bersalah terhadap pertuduhan.

Mohd. Zul Zakiudin turut memerintahkan 2.21 tan minyak masak peket terbabit dilucut hak kepada kerajaan.

"Tindakan OKS menyembunyikan minyak masak peket bagi menghalangnya daripada dijual telah mengganggu kitaran konsumerisme," katanya.

Berdasarkan pertuduhan, Abu Bakar didakwa menyembunyikan 2,210 kilogram minyak masak peket di premis perniagaannya yang terletak di Kampung Rhu Muda, Marang, dekat sini.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu pada pukul 1.38 tengah hari, 31 Januari 2024.

Abu Bakar didakwa mengikut Seksyen 22 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM1 juta atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.


han.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Wan Mohd Izzat Wan Abdullah, manakala OKS pula tidak diwakili peguam.

Mengikuti fakta kes, Abu Bakar hanya menunjukkan sembilan kotak minyak masak peket yang telah rosak sejak premis perniagaannya diperiksa sepasukan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN).

Begitupun, pemeriksaan lanjut anggota penguat kuasa KPDN kemudiannya menjumpai 130 kotak mengandungi 2.21 tan minyak masak peket di dalam stor penyimpanan.

Minyak masak peket terbaik didapati tidak disyihar oleh OKS bagi tujuan disorok daripada dijual sehingga menyusahkan pengguna.



**ABU BAKAR** didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam.

## Pemilik syarikat didenda RM15,000 sembunyi lebih 2,000kg minyak masak peket

**KUALA TERENGGANU:** Seorang pemilik syarikat didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam, selepas mengaku bersalah atas pertuduhan menyembunyikan 2,210 kilogram (kg) minyak masak, tahun lepas.

Hakim Mohd Zul Zakiuddin Zulkifli turut memerintahkan Abu Bakar Abdul Rahman, 42, selaku Orang Kena Saman (OKS) dipenjara enam bulan, jika gagal membayar denda berkenaan.

Lelaki itu didakwa menyembunyikan minyak masak peket jenama Kelapa Dua dengan tujuan menahaninya daripada dijual di pasaran pada 1.38 tengah hari, 31 Jan tahun lepas di premisnya di Marang.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 15 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan



**DIHUKUM:** Abu Bakar didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen di Kuala Terengganu, semalam setelah mengaku bersalah atas pertuduhan menyembunyikan 2,210 kilogram (kg) minyak masak di premisnya di Marang, tahun lepas. — Gambar Bernama

boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) akta sama, memperuntukkan hukuman denda maksimum RM1 juta atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya,

jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kosara Hidup (KPDN) Terengganu Wan

Mohd I'zzat Wan Abdullah, manakala Abu Bakar tidak diwakili peguam.

Wan Mohd I'zzat memohon mahkamah menjatuhkan denda RM15,000 kerana kesalahan lelaki itu adalah serius, mengambil kira kesukaran pengguna mendapatkan barang itu di pasaran sehingga dihadkan pembelian dua peket bagi setiap pembeli.

Bagaimanapun Abu Bakar merayu hukuman rendah kerana menanggung keluarga dan kedudukan semasa ekonomi syarikat yang membayar gaji serta bonus pekerja sempena perayaan Aidilfitri baru-baru ini.

Pada kes berasingan di mahkamah sama, seorang pemandu lori didenda RM15,000 atau jika gagal penjara enam bulan, setelah mengaku bersalah berurur-

san dengan barang kawalan iaitu minyak diesel sebanyak 1,677.1 liter secara runcit atau borong tanpa lesen, dua tahun lepas.

Mohd Rozi Mohd Zain, 39, didakwa melakukan kesalahan itu pada 1.55 pagi, 6 Julai 2023 di sebuah stesen minyak di Paka, Dungun dengan pertuduhan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) akta sama.

Mahkamah turut memerintahkan tiga rakan Mohd Rozi iaitu Hasdi Mustapa, 33, Hasrul Azly Mustapa, 44, dan Mohamad Saufi Abdull Ghapa, 30, dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan sama.

Wan Mohd I'zzat mengendalikan pendakwaan manakala Mohd Rozi diwakili peguam Mohd Zaiful Bahri Kamde. — Bernama

## Company owner fined for hoarding cooking oil

KUALA TERENGGANU: The Sessions Court here Tuesday fined a company owner RM15,000 after he pleaded guilty to hoarding 2,210 kilogrammes (kg) of cooking oil at his premises in Marang last year.

Judge Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli also ordered Abu Bakar Abdul Rahman, 42, to serve six months in jail if he failed to pay the fine.

He was charged with concealing packets of Kelapa Dua brand cooking oil with the intention of withholding them from the market at 1.38 pm on Jan 31 last year.

The offence, under Section 15 of the Supply Control Act 1961, is punishable under Section 22 (1) of the same Act. It carries a maximum fine of RM1 million, or a maximum jail sentence of three years, or both, upon conviction.

Terengganu Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) deputy public prosecutor Wan Mohd I'zzat Wan Abdullah appeared for the prosecution, while Abu Bakar was unrepresented.

Meanwhile, in the same court, a lorry driver was fined RM15,000 after he pleaded guilty to dealing in 1,677.1 litres of diesel – a controlled item – without a licence, at 1.55 am on July 6, 2023, at a petrol station in Paka, Dungun.

Mohd Rozi Mohd Zain, 39, who was represented by lawyer Mohd Zaiful Bahrin Kamde, was jointly charged with three others – Hasdi Mustapa, 33; Hasrul Azly Mustapa, 44; and Mohamad Saufi Abdull Ghapa, 30 – under Section 21 of the Supply Control Act 1961, punishable under Section 22(1) of the same Act. – Bernama

## Pemilik restoran pamer logo halal tanpa kebenaran



**BENG KEE** ketika hadir untuk prosiding pendakwaan di Mahkamah Sesyen Kota Bharu semalam.

**KOTA BHARU** — Seorang pemilik restoran mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas pertuduhan memamerkan logo halal tanpa kebenaran di premisnya di Jalan Temenggong, di sini pada November lalu.

Lim Beng Kee, 48, selaku orang kena saman (OKS) membuat pengakuan itu, selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Zulkifli Abilah.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa memerihalkan makanan sebagai halal tanpa me-

milki apa-apa kebenaran atau perakuan sah daripada pihak berkuasa di restoran miliknya di Jalan Temenggong, di sini kira-kira pukul 12.46 tengah hari pada 18 November lalu.

Perbuatan tersebut telah melanggar Perintah 4(1)(a) & (b) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Akta Perihal Dagangan 2011 yang menjadi suatu kesalahan di bawah Perintah 8 (b) Perintah dan boleh dihukum mengikut Perintah 8 (B) Perintah yang sama.

Bagi kesalahan itu, OKS boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Muhammadi Iman Masjuri, manakala OKS tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Muhammad Iman mencadangkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin memandangkan kesalahan

yang dilakukan oleh OKS adalah serius.

Beng Kee dalam rayuannya memohon ikat jamin tersebut dikurangkan memandangkan dia tidak mempunyai cukup wang untuk membayar jumlah tersebut.

Hakim membenarkan jaminan RM8,000 dengan seorang penjamin selain menetapkan 13 Mei depan untuk prosiding jatuh hukum.

Difahamkan, OKS membayar jaminan yang telah diperintahkan mahkamah.

## PAMER LOGO HALAL TANPA IZIN

# *Pemilik restoran mengaku salah*

**Kota Bharu:** Seorang pemilik restoran mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan mempamerkan logo halal tanpa kebenaran di premis miliknya di Jalan Temenggong di sini, November tahun lalu.

Orang kena saman (OKS) Lim Beng Kee (**gambar**), 48, membuat pengakuan bersalah itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulkifli Abllah.

Bagaimanapun, mahkamah menetapkan 13 Mei depan sebagai tarikh fakta kes dan hukuman.

Mengikut pertuduhan, OKS didakwa memerihalkan makanan sebagai halal tanpa memiliki apa-apa kebenaran atau perakuan sah daripada pihak berkuasa di restoran miliknya di Jalan Temenggong di sini, jam 12.46 tengah hari pada 18 November tahun lalu.

OKS didakwa melanggar Perintah 4(1)(a)&(b) Perintah Perihal Dagaangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Akta Perihal Dagangan 2011 yang menjadi suatu kesalahan mengikut Perintah 8 (b) Perintah dan boleh dihukum mengikut Perintah 8 (B) perintah yang sama.

Bagi kesalahan itu, OKS boleh denda sehingga RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan

dikendalikan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Muhammadi Iman Masjuri, manakala OKS tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Muhammad Iman menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin memandangkan kesalahan dilakukan OKS adalah serius, manakala Beng Kee memohon jaminan dikurangkan memandangkan duitnya tidak mencukupi.

Hakim menawarkan jaminan RM8,000 terhadap OKS dengan seorang penjamin.



## Pemilik restoran mengaku bersalah pamer logo halal tanpa perakuan



**DIJAMIN:** Lim mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di Kota Bharu, semalam, atas pertuduhan mempamerkan logo halal tanpa perakuan atau kebenaran yang sah. — Gambar Bernama

**KOTA BHARU:** Seorang pemilik restoran mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas pertuduhan mempamerkan logo halal tanpa perakuan atau kebenaran yang sah.

Lim Beng Kee, 48, sejak Orang Kena Saman (OKS) didakwa melakukan kesalahan itu pada 12.46 tengah hari 18 November 2024, di premis perniagaannya di Jalan Temenggong di sini.

Lelaki itu didakwa telah melanggar Perintah 4(1)(a) & (b) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 yang boleh dihukum mengikut Perintah

8(b) perintah sama yang memperuntukkan denda tidak lebih RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pada prosiding itu, Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Muhammad Iman Masjuri menawarkan jaminan RM10,000, namun OKS yang tidak diwakili peguam merayu jumlah itu dikurangkan kerana duitnya tidak mencukupi.

Hakim Zulkifli Abllah membenarkan jaminan RM8,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 13 Mei sebagai tarikh jatuh hukum. — Bernama

HARI:

RABU

TARIKH:

9/4/2025

M/SURAT:

19

## Dua didakwa simpan diesel tanpa lesen

**Kota Bharu:** Pemandu lori dan tukang rumah didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas masing-masing didakwa memiliki 3,399 dan 3,993 liter diesel di Kampung Gong Kala Sungai Petai, Pasir Puteh pada Februari tahun lalu.

Orang Kena Saman (OKS) Mohd Shaifudin Mat Hassan, 47, dan Mohd Salman Hassan, 30, yang didakwa secara berasingan bagaimanapun mengaku tidak bersalah ketika pertuduhan dibacakan di ha-

dapan Hakim Zulkiffli Abllah. Mengikut pertuduhan membabitkan Shaifudin, OKS didakwa memiliki barang kawalan iaitu diesel sebanyak 3,993 liter yang dijumpai dalam tangki empat segi tanpa lesen sah.

Bagi pertuduhan terhadap Mohd Salman pula, OKS didakwa memiliki barang kawalan iaitu diesel sebanyak 3,399 liter yang dijumpai dalam lori tangki tanpa lesen yang sah.

Kesalahan membabitkan

kedua OKS itu dilakukan di Kampung Gong Kala Sungai Petai pada jam 5 pagi 2 Februari tahun lalu.

Kedua OKS itu didakwa mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 22(1) Akta sama.

Jika disabitkan kesalahan, OKS boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Kemen-

terian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Muhammad Iman Masjuri, manakala kedua OKS diwakili Muhammad Nazri Awang.

Terdahulu, Muhammad Iman memohon jaminan sebanyak RM20,000 ditawarkan kepada setiap tertuduh, manakala Muhammad Nazri memohon jaminan minima dikenakan kerana kedua OKS hanya bekerja sebagai pemandu lori dan tukang rumah.



An individual caught filling diesel into a modified vehicle.

## Petrol kiosk owner among 3 held in fuel crackdown

KOTA KINABALU: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) here arrested a petrol station owner and two customers on suspicion of violating the Control of Supplies Act 1961.

They were detained in an "Ops Kita Gempur" crackdown on fuel stations in Inanam and Luyang on Monday (April 7), said Sabah KPDN Director Shahril Nizam Shahidin.

Ministry enforcement officers made the arrests after finding two vehicles fitted with extra fuel storage tanks, and also suspecting the petrol station of breaching the Act.

The suspects were believed to have bought or sold more than the permitted volume of subsidised fuel.

The total value of seized items came to RM45,752, Shahril Nizam said in a statement, Tuesday.

"The Ministry will continue to conduct

raids to ensure that controlled and subsidised goods are enjoyed by citizens and not others," he said.

Offenders under the applied sections of the Act face a fine of up to RM1 million or jail of up to three years, or both, if convicted of their first offence, he said.

For the second and subsequent offences, the fine can go up to RM3 million and imprisonment, up to five years, he added.

Companies found guilty of violations can be fined up to RM2 million for the first offence and up to RM5 million for the second and subsequent offences.

Shahril Nizam urged the public to work with the authorities by providing information on any suspicious activities via WhatsApp to 019-848 8000; e-mail to e-aduan@kpdn.gov.my; the Call Centre at 1-800-886-800; or the Ez ADU KPDN mobile app.



# KPDN Sabah gempur stesen minyak

Oleh FARDY BUNGGA

KOTA KINABALU: Dua lelaki ditahan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sarawak (KPDN) selepas dipercayaikan melakukan aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi menggunakan kenderaan diubahsuai.

Malah ketika ditahan, pemeriksaan mendapati, kedua-dua kenderaan iaitu pacuan empat roda Isuzu Dmax diubahsuai dengan tangki tambahan manakala lori panel pula membawa tangki berlebihan.

Pengarah KPDN Sabah, Shahril Nizam Shahidin berkata, kedua-dua kenderaan ditahan hasil pemeriksaan yang dijalankan pasukan operasi di stesen minyak di kawasan Inanam dan Luyang.

Katanya, pemeriksaan menghasilkan tiga kes mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan menahan dua warga tempatan bagi tujuan siasatan lanjut.

"Pasukan operasi turut menyita dua kenderaan yang disyaki diubahsuai untuk



**UBAH SUAI** .... Tangki berkapasiti 1000 liter yang disimpan di dalam lori panel.

melakukan penyelewengan minyak diesel bersubsidi.

"Selain itu, pasukan operasi turut mengambil tindakan terhadap pemilik stesen kerana disyaki melakukan pelanggaran mengikut akta yang sama," katanya dalam kenyataan media, kelmarin.

Menurutnya, kedua-dua kenderaan dan minyak diesel bersubsidi yang disita dianggarkan bernilai RM45,752.50.

Sehubungan itu, Shahril Nizam berkata, KPDN Sabah akan terus mempergiat pemantauan dan pengukuan bagi mengelakkan ketirisan terutamanya barang kawalan bersubsidi yang sepatutnya dinikmati oleh

rakyat.

Katanya, mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122), mana-mana individu yang disabit dengan kesalahan boleh didenda tidak lebih RM1 juta

"Manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali."

"Bagi syarikat pula, jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman denda tidak melebihi RM2 juta, manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5 juta," katanya.

Sehubungan itu, Sharil Nizam berkata, masyarakat diminta supaya menjadi



**SITA** .... Kedua-dua kenderaan disita selepas didapat mengisi minyak diesel lebih dari pada 250 liter.

mata dan telinga bagi menyuruh maklumat yang jelas dan lengkap berhubung aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi.

Katanya, sebarang mak-

lumat boleh disalurkan melalui aplikasi WhatsApp ditalian 019-848 8000 atau e-mel ke e-aduan@.kpdn.gov.my.

"Maklumat juga boleh dis-

alurkan dengan menghubungi pusat panggilan KPDN ditalian 1-800-886-800 atau menerusi Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN," katanya.

## Pemilik stesen minyak antara tiga ditahan

KOTA KINABALU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di sini menahan seorang pemilik stesen minyak dan dua pelanggan kerana disyaki melanggar Akta Kawalan Bekalan 1961.

Mereka ditahan dalam operasi "Ops Kita Gempur" terhadap stesen-stesen minyak di Inanam dan Luyang pada Isnin (7 April), kata Pengarah KPDN Sabah Shahril Nizam Shahidin.

Pegawai penguatkuasa kementerian membuat tangkapan itu selepas menemui dua kenderaan yang dilengkapi tangki simpanan minyak tambahan, serta turut mengesyaki stesen minyak terbabit melanggar Akta berkenaan.

Suspek dipercayai telah membeli atau menjual bahan api bersubsidi melebihi jumlah yang dibenarkan.

Jumlah keseluruhan nilai barang ramasan adalah RM45,752, kata Shahril Nizam dalam kenyataan pada Selasa.

"Kementerian akan terus menjalankan

serbuan bagi memastikan barang kawalan dan bersubsidi dinikmati oleh warganeutra dan bukan pihak lain," katanya.

Pesalah di bawah seksyen Akta yang dikenakan boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara sehingga tiga tahun, atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan kali pertama, katanya.

Bagi kesalahan kedua dan seterusnya, denda boleh meningkat sehingga RM3 juta dan penjara sehingga lima tahun, tambahnya.

Syarikat yang didapati bersalah boleh dikenakan denda sehingga RM2 juta bagi kesalahan pertama dan sehingga RM5 juta bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Shahril Nizam menggesa orang ramai untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa dengan menyalurkan maklumat mengenai sebarang aktiviti mencurigakan melalui WhatsApp ke 019-848 8000; e-mel ke e-aduan@kpdn.gov.my; Pusat Panggilan di 1-800-886-800; atau aplikasi mudah alih Ez ADU KPDN.



SEORANG individu didapati mengisi diesel ke dalam kendaraan yang diubah suai.

# Inisiatif Kita Gempur KPDN sita dua kenderaan, tahan dua individu

**KOTAKINABALU:** Inisiatif Kita Gempur yang dilaksana Seksyen Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Negeri Sabah menahan dua warga tempatan dalam pemeriksaan di stesen minyak kawasan Inanam dan Luyang di sini.

Pengarah KPDN Negeri Sabah Shahril Nizam Shahidin berkata, dua suspek terbabit ditahan untuk siasatan lanjut melibatkan tiga kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Katanya, turut disita dua kenderaan yang disyaki diubahsuai dengan anggaran nilai sitaan berjumlah RM45,752.50.

Menurutnya, pemilik stesen minyak berkenaan juga diam-bil tindakan kerana disyaki melakukan pelanggaran di bawah akta yang sama.

"KPDN Sabah akan terus mempergiat pemantauan dan penguatkuasaan bagi mengelakkan ketirisan terutama barang kawalan bersubsidi yang sepatutnya dinikmati oleh rakyat.

"Manapun pelanggaran di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 boleh diambil tindakan dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, kedua-dua individu terbabit boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1 juta atau penjaratan tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.



SITA: Dua kenderaan ditahan kerana mengisi minyak diesel melebihi 250 liter.



UBAH SUAI: Tangki plastik berkapasiti 1,000 liter yang disimpan di dalam lori.

Menurutnya, bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda tidak melebihi RM3 juta atau penjaratan tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

Selain itu katanya, bagi pemilik syarikat, mereka

boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2 juta manakala bagi kesalahan kedua dan berikutnya denda tidak melebihi RM5 juta.

Sehubungan itu, beliau memohon supaya masyarakat menjadi mata dan telinga kepada pihak KPDN bagi menyalurkan maklumat yang jelas dan lengkap berhubung aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi.

Tambahnya, sebarang aduan boleh disalurkan melalui WhatsApp 019-848 8000; e-mele-aduan@kpdn.gov.my; talian 1-800-886-800 dan aplikasi telefon pintar Ez ADU KPDN.



The seized pickup and lorry allegedly used for diesel smuggling in Inanam.

## Diesel smuggling foiled in Inanam, two vehicles seized

**KOTA KINABALU:** The Ministry of Domestic Trade and Costs of Living (KPDN) thwarted an attempt to smuggle subsidised diesel in Inanam on Monday (April 7), seizing two modified vehicles in the operation.

Sabah KPDN director

Shahril Nizam Shahidin said enforcement officers intercepted a pickup truck and a lorry during an inspection at a petrol station. The vehicles, valued at RM45,752.50, were allegedly modified to transport subsidised diesel illegally.

Two local men were detained for further investigation under the Supply Control Act 1961. If convicted, individuals face fines up to RM1 million, imprisonment of up to three years, or both, while companies may be fined up to RM2 million.

Shahril Nizam warned that KPDN will intensify enforcement to curb the smuggling of controlled goods.

He urged the public to report suspicious activities via the ministry's hotline (1-800-886-800) or WhatsApp (019-848 8000).

## Inisiatif Kita Gempur KPDN sita dua kenderaan, tahan dua individu

Oleh Siti Aisyah Narudin

**KOTA KINABALU:**

Inisiatif Kita Gempur yang dilaksana Seksyen Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sabah menahan dua warga tempatan dalam pemeriksaan di stesen minyak kawasan Inanam dan Luyang di sini.

Pengarah KPDN Negeri Sabah, Shahril Nizam Shahidin, berkata dua suspek terbabit ditahan untuk siasatan lanjut melibatkan tiga kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Katanya, turut disita dua kenderaan yang disyaki diubah suai dengan anggaran nilai sitaan berjumlah RM45,752.50.

Menurutnya, pemilik stesen minyak berkenaan juga diambil tindakan kerana disyaki melakukan pelanggaran di bawah akta yang sama.

"KPDN Sabah akan terus mempergiat pemantauan dan pengawasannya bagi



**UBAH SUAI:** Tangki plastik berkapasiti 1,000 liter yang disimpan di dalam lori.

mengelakkan ketirisan terutamanya barang kawalan bersubsidi yang sepatutnya dinikmati oleh rakyat.

"Mana-mana pelanggaran di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 boleh diambil tindakan dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, kedua-dua individu terbabit boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1 juta atau

penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

Menurutnya, bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

Selain itu katanya, bagi pemilik syarikat, mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2 juta manakala, bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda tidak melebihi RM5 juta.

◆ [Lihat Muka 7](#)

## Inisiatif Kita Gempur KPDN sita dua kenderaan, tahan dua individu

► **Dari Muka 1**

Sehubungan itu, beliau memohon supaya masyarakat menjadi mata dan telinga kepada pihak

KPDN bagi menyalurkan maklumat yang jelas dan lengkap berhubung aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi.

Tambahnya, sebarang

aduan boleh disalurkan melalui WhatsApp 019-848 8000; e-mel e-aduan@kpdn.gov.my; talian 1-800-886-800; dan aplikasi telefon pintar Ez ADU KPDN.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

## Akta 723: KKM akan panggil MMA untuk libat urus lanjut

**PUTRAJAYA:** Kementerian Kesihatan (KKM) akan mengadakan satu lagi pusingan perbincangan dengan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan badan perubatan lain, berikutan bantahan terhadap langkah melaksanakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) terhadap fasiliti penjagaan kesihatan swasta.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata beliau akan mengkaji kebimbangan yang dibangkitkan dan berunding dengan pihak berkepentingan mengenai perkara berkenaan.

"Saya baru sahaja dimaklumkan mengenai isu itu (bahawa lapan persatuan perubatan membantah arahan pameran harga). Saya akan segera menyiasat dan mengadakan perbincangan lanjut.

"Saya bersedia untuk mendengar, terutamanya

selepas mesyuarat mereka semalam. Saya akan sekali lagi menjemput MMA (dan persatuan lain) untuk perbincangan lanjut mengenai hal terkait dengan pameran harga ubat," kata selepas majlis penyerahan 210 unit Automated External Defibrillator (AED) sumbangan 99 Speedmart Sdn Bhd di sini semalam.

Pada 7 April lepas, lapan persatuan perubatan, termasuk MMA dan Persatuan Gabungan Pengamal Perubatan Malaysia membantah langkah untuk menggunakan Akta 723 terhadap sektor penjagaan kesihatan swasta.

MMA dilaporkan berkata penggunaan Akta 723 itu juga tidak dilaksanakan secara seragam seperti sektor-sektor lain yang sudah diletakkan di bawah akta berkenaan dan ini suatu bentuk penyalahgunaan kuasa serta beban yang tidak wajar.

Sebelum ini, dilaporkan hospital dan klinik swasta akan memaparkan harga ubat-ubatan di fasiliti mereka mulai 1 Mei depan, selaras dasar ketelusan harga dalam perkhidmatan kesihatan.

Dzulkefly berkata KKM telah mengadakan beberapa pusingan libat urus khusus dengan MMA dan Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM), dan sudah bersetuju perkara itu terkait dengan Jadual Ketujuh Akta Fasiliti dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).

Dalam perkembangan lain, KKM sedang menunggu keputusan akhir daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Kementerian Kewangan (MOF) mengenai cadangan semakan semula yuran perundingan pengamal perubatan umum (GP). — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 9 APRIL 2025			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
9-Apr	Ahli ekonomi cadang 2 peringkat harga minyak masak subsidi	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/04/08/ahli-ekonomi-cadang-2-peringkat-">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/04/08/ahli-ekonomi-cadang-2-peringkat-</a>	FREE MALAYSIA TODAY
9-Apr	Pemilik restoran mengaku salah pamer logo halal tanpa kebenaran	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/04/1381661/pemilik-restoran-mengaku-salah-pamer-logo-halal-">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/04/1381661/pemilik-restoran-mengaku-salah-pamer-logo-halal-</a>	BERITA HARIAN
9-Apr	Pemilik restoran mengaku salah pamer logo halal tanpa kebenaran	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/pemilik-restoran-mengaku-salah-pamer-logo-halal-tanpa-kebenaran/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/pemilik-restoran-mengaku-salah-pamer-logo-halal-tanpa-kebenaran/</a>	TV3
9-Apr	Pemilik restoran tular di Kelantan didakwa guna logo halal tidak sah	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/721660/berita/semasa/pemilik-restoran-tular-di-kelantan-didakwa-">https://www.sinarharian.com.my/article/721660/berita/semasa/pemilik-restoran-tular-di-kelantan-didakwa-</a>	SINAR HARIAN
9-Apr	Pemilik restoran mengaku salah pamer logo halal tanpa kebenaran	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/04/1205296/pemilik-restoran-mengaku-salah-pamer-logo-halal-">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/04/1205296/pemilik-restoran-mengaku-salah-pamer-logo-halal-</a>	HARIAN METRO
9-Apr	Pemilik restoran mengaku salah pamer logo halal palsu	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/04/08/pemilik-restoran-mengaku-salah-pamer-logo">https://www.kosmo.com.my/2025/04/08/pemilik-restoran-mengaku-salah-pamer-logo</a>	KOSMO
9-Apr	Pemilik restoran mengaku bersalah pamer logo halal tanpa perakuan	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/04/08/pemilik-restoran-mengaku-bersalah-pamer-">https://www.tvsarawak.my/2025/04/08/pemilik-restoran-mengaku-bersalah-pamer-</a>	TVS
9-Apr	Pemilik restoran mengaku salah guna logo halal tidak sah	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/pemilik-restoran-mengaku-salah-guna-logo-halal-tidak-sah">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/pemilik-restoran-mengaku-salah-guna-logo-halal-tidak-sah</a>	RTM

9-Apr	Restaurant owner pleads guilty to unauthorised halal logo display	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/04/1198890/restaurant-owner-pleads-guilty-unauthorised-halal-logo-display">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/04/1198890/restaurant-owner-pleads-guilty-unauthorised-halal-logo-display</a>	NST
9-Apr	Kena denda RM15,000 sorok 2.21 tan minyak masak peket	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/04/08/kena-denda-rm15000-sorok-2-21-tan-minyak-masak-peket/">https://www.kosmo.com.my/2025/04/08/kena-denda-rm15000-sorok-2-21-tan-minyak-masak-peket/</a>	KOSMO
9-Apr	Pengusaha premis pemborong sorok minyak masak peket didenda RM15,000	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/04/pengusaha-premis-pemborong-sorok-minyak-masak-peket-didenda-">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/04/pengusaha-premis-pemborong-sorok-minyak-masak-peket-didenda-</a>	UTUSAN
9-Apr	Pemilik syarikat, pemandu lori didenda RM15,000 kerana sembunyi minyak masak	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/pemilik-syarikat-pemandu-lori-didenda-rm15000-kerana-sembunyi-minyak-masak/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/pemilik-syarikat-pemandu-lori-didenda-rm15000-kerana-sembunyi-minyak-masak/</a>	TV3
9-Apr	Pemilik syarikat sembunyi minyak masak didenda RM15,000	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1205341/pemilik-syarikat-sembunyi-minyak-masak-didenda-">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1205341/pemilik-syarikat-sembunyi-minyak-masak-didenda-</a>	HARIAN METRO
9-Apr	Tukang rumah, pemandu lori masing-masing didakwa miliki 3,993 dan 3,399 liter diesel	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/04/1381702/tukang-rumah-pemandu-lori-masing-masing-didakwa-">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/04/1381702/tukang-rumah-pemandu-lori-masing-masing-didakwa-</a>	BERITA HARIAN
9-Apr	Tukang rumah, pemandu lori mengaku tidak bersalah miliki 3,993 dan 3,399 liter diesel	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/tukang-rumah-pemandu-lori-mengaku-tidak-bersalah-miliki-3993-dan-3399-liter-diesel/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/tukang-rumah-pemandu-lori-mengaku-tidak-bersalah-miliki-3993-dan-3399-liter-diesel/</a>	TV3
9-Apr	Inisiatif Kita Gempur KPDN sita dua kenderaan, tahan dua individu	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/04/08/inisiatif-kita-gempur-kpdn-sita-dua-kenderaan-tahan-dua-">https://www.utusanborneo.com.my/2025/04/08/inisiatif-kita-gempur-kpdn-sita-dua-kenderaan-tahan-dua-</a>	UTUSAN BORNEO

9-Apr	KPDN Sabah gempur stesen minyak di Inanam dan Luyang	<a href="https://themalaysiapress.com/kpdn-sabah-gempur-stesen-minyak-di-inanam-dan-luyang/">https://themalaysiapress.com/kpdn-sabah-gempur-stesen-minyak-di-inanam-dan-luyang/</a>	MALAYSIA PRESS
9-Apr	'Kita Gempur' ops nets fuel law violators in Inanam, Luyang	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/255828/kita-gempur-ops-nets-fuel-law-violators-in-inanam-luyang/">https://www.dailyexpress.com.my/news/255828/kita-gempur-ops-nets-fuel-law-violators-in-inanam-luyang/</a>	DAILY EXPRESS
9-Apr	KPDN Sabah gempur stesen minyak	<a href="https://www.asiatimes.com.my/2025/04/08/kpdn-sabah-gempur-stesen-minyak/">https://www.asiatimes.com.my/2025/04/08/kpdn-sabah-gempur-stesen-minyak/</a>	ASIATIMES
9-Apr	Three nabbed in Sabah over sale of subsidised fuel	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/04/08/three-nabbed-in-sabah-over-sale-of-subsidised-fuel">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/04/08/three-nabbed-in-sabah-over-sale-of-subsidised-fuel</a>	THE STAR
9-Apr	Sorok 2.21 tan minyak masak peket, pengusaha premis didenda RM15,000	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/sorok-2-21-tan-minyak-masak-peket-pengusaha-premis-didenda-rm15-000">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/sorok-2-21-tan-minyak-masak-peket-pengusaha-premis-didenda-rm15-000</a>	RTM
9-Apr	Pemilik syarikat didenda RM15,000 sembunyi lebih 2,000kg minyak masak paket	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemilik-syarikat-didenda-rm15000-sembunyi-lebih-2000kg-minyak-masak-paket-515684">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemilik-syarikat-didenda-rm15000-sembunyi-lebih-2000kg-minyak-masak-paket-515684</a>	ASTRO AWANI
9-Apr	Company owner fined RM15,000 for hoarding 2,210kg of cooking oil	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/company-owner-fined-rm15000-for-hoarding-2210kg-of-cooking-oil-EL13907102">https://thesun.my/malaysia-news/company-owner-fined-rm15000-for-hoarding-2210kg-of-cooking-oil-EL13907102</a>	THE SUN
9-Apr	Pemandu lori didakwa miliki hampir 4,000 liter diesel tanpa kebenaran di Pasir Puteh	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemandu-lori-didakwa-miliki-hampir-4000-liter-diesel-tanpa-kebenaran-di-pasir-puteh-515695">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemandu-lori-didakwa-miliki-hampir-4000-liter-diesel-tanpa-kebenaran-di-pasir-puteh-515695</a>	ASTRO AWANI

9-Apr	Pemandu lori miliki diesel tanpa kebenaran didenda RM15,000	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/04/pemandu-lori-miliki-diesel-tanpa-kebenaran-didenda-rm15000/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/04/pemandu-lori-miliki-diesel-tanpa-kebenaran-didenda-rm15000/</a>	UTUSAN
9-Apr	Pemandu Lori Didakwa Miliki Hampir 4,000 Liter Diesel Tanpa Kebenaran Di Pasir Puteh	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2410281">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2410281</a>	BERNAMA
9-Apr	Pemandu lori miliki 1,677.1 liter diesel tanpa kebenaran didenda RM15,000	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/04/08/pemandu-lori-miliki-1677-1-liter-diesel-tanpa-kebenaran-didenda-rm15000/">https://www.kosmo.com.my/2025/04/08/pemandu-lori-miliki-1677-1-liter-diesel-tanpa-kebenaran-didenda-rm15000/</a>	KOSMO
9-Apr	Pemandu lori, tukang rumah didakwa miliki diesel tanpa lesen sah	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/04/1205349/pemandu-lori-tukang-rumah-didakwa-miliki-diesel-tanpa-lesen-sah">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/04/1205349/pemandu-lori-tukang-rumah-didakwa-miliki-diesel-tanpa-lesen-sah</a>	HARIAN METRO
9-Apr	Pemilik restoran mengaku bersalah pamer logo halal tanpa perakuan	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemilik-restoran-mengaku-bersalah-pamer-logo-halal-tanpa-perakuan-515668">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemilik-restoran-mengaku-bersalah-pamer-logo-halal-tanpa-perakuan-515668</a>	ASTRO AWANI